

SIDANG MEDIA
BAJET DBKL TAHUN 2013
Oleh
Y.BHG DATUK HJ. AHMAD PHESAL BIN HJ. TALIB
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR
18 DISEMBER 2012

“Kemajuan Dan Kemakmuran Bandaraya Kuala Lumpur ”

Bismillahir rahmannir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya dapat saya buat RUI pertamanya sejak dilantik memegang jawatan sebagai Datuk Bandar pada **18 Julai 2012** yang lalu membentangkan Bajet Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2013 pada hari ini.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Datuk Bandar Ybhg. Tan Sri Ahmad Fuad bin Ismail yang telah memimpin dan memberi sumbangan sepanjang perkhidmatan beliau selama 3 setengah tahun.
3. Dalam fasa seterusnya, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan DBKL terus *relevan* dalam memberi perkhidmatan pada tahap yang memuaskan bukan sahaja kepada warga kota bahkan pelancong luar yang berkunjung ke ibu kota negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2013-2014.
4. Cabaran persekitaran sosial dan pembangunan yang semakin pesat menuntut satu perancangan yang teliti agar program dan aktiviti yang direncanakan dapat memenuhi citarasa warga kota dan keperluan pelanggan

DBKL yang melibatkan 2.0 juta pengguna perkhidmatan perbandaran termasuk 1.7 juta warga kota.

5. Senario ini hanya akan dapat dicapai dengan strategi dan perancangan kewangan yang cekap dan teratur di samping mendapat sokongan Kerajaan dan penglibatan warga kota di dalam menjayakan setiap program yang dirancang.

PRESTASI KEWANGAN DBKL

6. Prestasi Kewangan 2011 yang telah diaudit dan akan dibentangkan di Parlimen (Dewan Rakyat) adalah memberangsangkan. Prestasi kewangan ini dijangka akan lebih baik bagi tahun kewangan 2012.
7. Berasaskan kepada prestasi yang baik ini DBKL dapat menyediakan bajet 2013 bukan sahaja untuk melaksanakan program dan aktiviti operasi tetapi juga kesinambungan kepada projek pembangunan 2012 di samping penambahan beberapa projek baru.
8. Untuk makluman bahawa DBKL sentiasa menguruskan kewangan secara berkesan dan teratur di mana bagi tahun kewangan 2011 DBKL sekali lagi dianugerahkan sijil bersih (Tidak Berteguran) oleh Ketua Audit Negara.
9. Antara aspek kejayaan ialah peningkatan jumlah pendapatan sebanyak **RM511 juta** kepada **RM1.69 bilion** daripada tahun sebelumnya. Prestasi hasil ini dijangka akan meningkat pada tahun kewangan 2012.
10. Walau pun tiada kenaikan kadar cukai taksiran dan nilai tahunan sejak tahun 1992, hasil cukai masih meningkat kerana penambahan bilangan hartanah yang dikenakan cukai taksiran. Penambahan bilangan hartanah ini adalah hasil dari kemakmuran dan pertumbuhan pesat hartanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

11. Kepesatan pembangunan ini juga telah meningkatkan hasil caj pembangunan melalui kenaikan kadar dan kaedah pengiraan serta kutipan caj pembangunan yang dikenakan. Di samping itu, DBKL telah berjaya berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk mengutip RM 100 juta bagi hasil-hasil yang tertunggak seperti tunggakan cukai taksiran, tunggakan sewa perumahan dan sewaan gerai penaja.
12. Pengurusan kewangan yang cekap dan amalan perbelanjaan berhemah ini dapat mengimbangi kenaikan kos pengurusan dan melunaskan bayaran balik pinjaman pembangunan perumahan awam daripada kerajaan persekutuan mengikut jadual, walau pun DBKL terpaksa menanggung defisit dalam akaun perumahan awam.

BAJET DBKL 2013

13. Pada 7 Disember 2012, Y B Menteri Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar telah meluluskan Bajet DBKL 2013 untuk meneruskan agenda DBKL bagi memastikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang maju dan sejahtera.
14. Bajet DBKL 2013 diluluskan dengan peruntukan sebanyak **RM2.188 bilion**, iaitu **RM1.406 bilion** disediakan bagi Peruntukan Mengurus dan **RM782.55 juta** pula adalah untuk Peruntukan Pembangunan.
15. Secara keseluruhan Bajet DBKL 2013 terdapat peningkatan sebanyak **15.3%** berbanding dengan bajet pada tahun 2012 (**RM1.897 bilion**).
16. Bajet DBKL 2013 ini, dirangka selaras dengan Pelan Strategik DBKL yang dijadikan halatuju pengurusan dan pembangunan Kuala Lumpur serta selari dengan Pelan Strategik Kementerian Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar. Pelan Strategik DBKL mengariskan lima (5) matlamat utama iaitu:

- i. **Bandaraya Milik Warga Kota (City For People)** yang menekankan persekitaran yang berkualiti dan mudah sampai,

mengamalkan cara hidup sihat dan selamat, saling berhubung dan menghormati keunikan masing-masing serta harmoni'

- ii. **Kemakmuran Ekonomi (Economic Prosperity)** memberi peluang pertumbuhan ekonomi yang mapan, berdaya tahan dan berupaya menawarkan kepelbagaian jenis perniagaan. Selain dari itu wujud kesamarataan peluang dalam kegiatan ekonomi di kalangan warga kota serta keseimbangan pemilikan harta'
- iii. **Bandaraya Saling Bersaring (Connected City)** menyediakan rangkaian pengangkutan awam, jalan dan laluan pejalan kaki, kenderaan bermotor yang bersepadu dan mampuguna untuk kemudahaspaian warga kota ke kawasan perdagangan dan perkhidmatan serta boleh berhubung secara maya'
- iv. **Bandaraya Eko (Eco City)** menjadikan persekitaran yang sihat, kawasan hijau yang mencukupi dengan kualiti hidup tinggi dan pertumbuhan ekonomi yang baik
- v. **Bandaraya Tadbir Urus Cekap (Good Governance)** melahirkan pentadbir yang telus, bertanggungjawab, adil, cekap dan berkesan'

17. DBKL sebagai agensi kerajaan mempunyai cabaran dalam memastikan pelaksanaan dasar kerajaan bagi merealisasikan Pelan Transformasi Kerajaan atau GTP serta Pelan Transformasi Ekonomi Kerajaan atau ETP. Ini diterjemahkan melalui peranan DBKL sebagai agensi pelaksana untuk menjayakan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) dan *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (Greater KL/KV)*.
18. Penyediaan Bajet ini juga berkonsepkan '*public oriented*' di mana pandangan dan idea daripada warga kota diambil kira dalam merangka program yang dapat memberi impak yang lebih baik kepada semua pihak terutamanya warga kota.

FOKUS BAJET DBKL 2013

19. Bajet 2013 ini disediakan dengan fokus untuk merealisasikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 dengan menjadi PBT terunggul yang dapat memenuhi citarasa wargakota dan bercirikan Wilayah Persekutuan Maju serta Bandar Sejahtera.
20. Justeru Bajet 2013 dirangka bertemakan '**Kemajuan Dan Kemakmuran Bandaraya Kuala Lumpur**'. Secara dasarnya, Pentadbiran DBKL menekankan 10 aspek berikut sebagai asas di dalam memberi perkhidmatan yang terbaik bagi memenuhi keperluan warga kota:-

- Kebersihan Bandar
- Penyelenggaraan Infrastruktur Jalan Dan Sungai
- Kemudahan Lalulintas
- Penghijauan, Pengindahan Taman Dan Rekreasi
- Kesihatan Awam
- Keselamatan
- Pengubahsuaian Kediaman
- Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat
- Kediaman Mampu Milik
- Penjaja Dan Peniaga Kecil

RINGKASAN BAJET MENGURUS DAN PEMBANGUNAN

16. Di bawah peruntukan mengurus, **RM386.67juta(27.5%)** adalah bagi peruntukan Emolumen, **RM55.43 juta(3.9%)** disediakan bagi Bayaran Lebih Masa, **RM908.71 juta(64.63%)** bagi peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan. Sejumlah **RM5.27 juta (0.4%)** turut disediakan bagi pembelian dan penggantian aset. Manakala **RM31.01 juta (2.2%)** diperuntukan bagi Pemberian & Kenaan Tetap dan bakinya **RM18.92 juta(1.4%)** adalah bagi Perbelanjaan Lain-Lain. Peruntukan Mengurus ini telah meningkat sebanyak **2%** berbanding peruntukan mengurus tahun 2012.

17. Manakala di bawah peruntukan pembangunan pula, sebanyak **RM782.55 juta** diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan dan pembelian aset modal. Sejumlah **RM474.88 (60.6%)** akan dibiayai oleh sumber kewangan DBKL manakala selebihnya iaitu **RM307.67 juta (39.4%)** dibiayai oleh Kerajaan Pusat dan swasta. Sumber pembiayaan daripada kerajaan merangkumi **RM118.97 juta** melalui projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), **RM14.7juta** bagi projek NKRA iaitu ***Park & Ride*** serta Hentian Bas dan **RM166.9juta** di bawah program ***Greater KL/KV*** melibatkan projek ***River of Life, Greener KL, Pedestrian Network dan Global Attraction***. Manakala **RM7.1 juta** diperuntukkan bagi projek laluan pejalan kaki berbumbung yang akan disumbangkan oleh pihak swasta iaitu Petronas.
18. Peruntukan yang disediakan adalah bagi membiayai sebanyak 238 projek pembangunan yang dikategorikan seperti berikut :
- 16 projek telah siap untuk bayaran akhir diperuntukan sebanyak **RM8.4 juta**
 - 88 projek sambungan di dalam peringkat pelaksanaan dengan peruntukan sebanyak **RM477.5 juta**
 - 60 projek sambungan di dalam peringkat rekabentuk diperuntukkan sejumlah **RM120.6 juta**
 - 74 cadangan projek baru dengan peruntukan sebanyak **RM114.5 juta**

BUTIR-BUTIR PERUNTUKAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN

Emolumen

19. Sejumlah **RM386.7 juta** atau **27.5%** daripada peruntukan mengurus diperlukan bagi membiayai kos emolumen termasuk gaji dan bayaran-bayaran elaun perkhidmatan untuk 10,123 perjawatan. Ini merangkumi jawatan tetap sebanyak 8,816 perjawatan dan jawatan kontrak sebanyak 1,307 perjawatan. Anggaran peruntukan ini telah meningkat sebanyak **6.5%** berbanding dengan peruntukan 2012 sebanyak **RM362.9 juta**.

Elaun Lebih Masa

20. Peruntukan Elaun Lebih Masa bagi 2013 meningkat sebanyak **19.1%** kepada **RM55.4 juta** daripada **RM46.5 juta** pada 2012. Faktor yang menyumbang kenaikan ini adalah berlakunya kenaikan struktur skim gaji dan keperluan melaksanakan kerja-kerja lebih masa terutama sekali melibatkan kerja-kerja penguatkuasaan awam, pembersihan bandar, pembangunan serta kerja-kerja penyelenggaraan taman dan jalan raya.

Peruntukan Mengurus Dan Pembangunan Mengikut Program

Program Pengurusan dan Pentadbiran

21. Dalam usaha memperkasa urus tadbir DBKL bagi memantapkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kakitangan seramai 10,123 orang, sejumlah **RM170.4 juta** diperuntukkan untuk melaksanakan program dan mempertingkatkan kemudahan pengurusan seperti berikut:

- Sejumlah **RM95 juta** diperuntukkan bagi pengurusan pejabat dan hal ehwal pentadbiran termasuk penyelenggaraan kenderaan, penyewaan pejabat, penyelenggaraan sistem serta penyewaan komputer
- Sementara itu sejumlah **RM52.3 juta** disediakan untuk bayaran kepada syarikat utiliti bagi tujuan bekalan elektrik, air, dan telefon.
- Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan daya inovasi kakitangan di samping menyediakan kemudahan perubatan kakitangan. Kakitangan yang mahir dan sihat mampu melahirkan tenaga kerja lebih produktif. Bagi tujuan ini sejumlah **RM22.9 juta** diperuntukkan.

Program Pembersihan Bandar

22. Aspek kebersihan merupakan kunci utama bagi menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur sebaris dengan bandar-bandar utama di dunia. 3 kawasan tumpuan awam iaitu Chow Kit, Bukit Bintang dan sekitar Jalan Petaling akan diberi penekanan melalui program pembersihan Bandar agar berada pada tahap yang memuaskan.

23. Secara keseluruhan peruntukan bagi mempertingkatkan kebersihan bandar adalah sebanyak **RM199.7 juta** disediakan. Ia merangkumi peruntukan sebanyak **RM127.7 juta** bagi tujuan bayaran kontrak pembersihan dan **RM7.3 juta** bagi tujuan pembersihan siar kaki di Kuala Lumpur kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam. Antara pengukuran yang diambil kira ialah dari segi kerja-kerja pungutan sampah, penambahan bekalan tong-tong sampah dan pembersihan jalan serta longkang.
24. Di samping itu, DBKL juga memperuntukan sebanyak **RM63 juta** untuk program pemindahan sampah di Taman Beringin dan pelupusan sampah di Bukit Tagar Sanitary Landfills. Dianggarkan sejumlah 2,500 tan metrik sisa domestik dan sisa pukal perlu diuruskan oleh DBKL pada setiap hari atau 912,500 tan metrik setahun.

Program Kemudahan Infrastruktur, Jalan Raya dan Lampu Jalan, Sistem Lalulintas Dan Perparitan serta Sungai

25. Bagi tahun 2013, DBKL akan memperuntukkan sebanyak **RM106.2 juta** di bawah peruntukan mengurus bagi kerja-kerja pengisaran dan penurapan semula jalan di Kuala Lumpur yang dianggarkan sepanjang 2010 km termasuk kerja-kerja membaikpulih jalan dan persimpangan merbahaya serta longkang.
26. Peruntukan pembangunan sejumlah **RM179.2 juta** adalah bertujuan membina dan menaiktaraf jalan raya. DBKL merancang untuk melaksanakan 42 Projek di mana 35 projek merupakan pembiayaan DBKL dengan anggaran sebanyak **RM137.9 juta** manakala 7 projek dibawah pembiayaan RMK10 sebanyak **RM41.2 juta**.
27. Dengan mementingkan konsep Bandar Selamat dan Bandaraya Taman Bercahaya, DBKL turut memastikan jalan-jalan di sekitar Kuala Lumpur sentiasa cerah bercahaya dan ini seterusnya dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan pengguna jalanraya. Sejumlah **RM42.1 juta** disediakan di bawah peruntukan mengurus dimana sebanyak **RM20 juta** disediakan bagi

penyelenggaraan 37,000 lampu **lantern** untuk lampu jalan, lampu limbah dan **RM15 juta** bagi bayaran bil elektrik.

28. Peruntukan mengurus ini juga termasuklah sebanyak **RM7.1juta** bagi menyediakan lampu limbah dan lampu hiasan bagi memeriahkan sesuatu jenis perayaan utama seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Hari Krismas dan juga untuk peristiwa khas seperti Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan.

29.DBKL memperuntukan sejumlah **RM7 juta** di bawah peruntukan pembangunan bagi kerja-kerja pemasangan lampu-lampu awam dan kerja-kerja menaiktaraf lampu jalan dekoratif di Jalan Mahameru dan Jalan Istana.

30.Anggaran peruntukan mengurus bagi aktiviti penyelenggaraan sistem lalulintas, pejalan kaki, sistem letak kereta dan hentian pengangkutan awam adalah berjumlah **RM60.9 juta**.

31.Perkara yang diambil kira dalam peruntukan mengurus ini termasuklah penyelenggaraan dan operasi ITIS sebanyak **RM32.5 juta** serta penyelenggaraan dan bil elektrik lampu-lampu isyarat sebanyak **RM12.5 juta**.

32.Bagi menambahbaik tahap keselamatan pengguna jalanraya dan pejalan kaki, program pemasangan pagar keselamatan, penyelenggaraan CCTV, papan tanda dan bonggol sejumlah **RM15.9 juta** disediakan.

33.Di bawah peruntukan mengurus bagi program penyelenggaraan tempat letak kereta, hentian bas dan pejalan kaki sejumlah **RM15 juta** diperuntukkan di mana **RM9 juta** bagi tujuan operasi Sistem Letak Kereta Elektronik (SLKE) di sekitar Kuala Lumpur.

34.Selain itu sejumlah **RM6 juta** diperuntukkan bagi tujuan penyelenggaraan ruang menunggu teksi, bas, kemudahan pejalan kaki dan membina lorong khas bagi pengguna perkhidmatan pengangkutan awam.

35. Di bawah peruntukan pembangunan sejumlah **RM57.5 juta** disediakan bagi mempertingkatkan sistem Lalulintas, pejalan kaki, sistem letak kereta dan hentian pengangkutan awam. Di bawah program ini sejumlah **RM23.4 juta** merupakan pembiayaan DBKL, RMK10 sebanyak **RM0.3 juta**, NKRA sebanyak **RM14.7 juta**, **Greater KL/KV (Pedestrian Network)** sebanyak **RM12 juta** dan sejumlah **RM7.1 juta** dibiayai oleh Petronas (**Pedestrian Linkages**).
36. DBKL telah bekerjasama dengan Jabatan Pengairan Dan Saliran untuk memastikan sungai- sungai utama yang dianggarkan sepanjang 120 km dan parit induk sepanjang 330 km diselenggara mengikut jadual bagi memastikan hidraulik kapasiti sungai dapat menampung aliran supaya masalah banjir kilat yang melanda bandaraya dapat dielakkan.
37. Anggaran peruntukan pembangunan bagi kerja-kerja perparitan dan penyelenggaraan sungai adalah berjumlah **RM154.6 juta**. Di bawah program ini sejumlah **RM9.1 juta** merupakan pembiayaan DBKL, **RM10 juta** di bawah pembiayaan RMK10 melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan sungai manakala **RM135.5 juta** daripada peruntukan di bawah **Greater KL/KV (River Of Life)**.

Program Penghijauan Dan Penyelenggaraan Taman-Taman Rekreasi Serta Tanah Lapang

38. Aspek alam sekitar memainkan peranan penting bagi mengimbangi kepesatan hutan konkrit di sekitar Kuala Lumpur. Usaha untuk menghijaukan Bandaraya ini boleh dilaksanakan dengan menerapkan elemen landskap pada susun atur di semua taman awam, rangkaian kemudahan jalanraya dan tanah lapang. Sehingga kini DBKL telah menanam 34,544 batang pokok dibawah program Greener KL. Ini akan merealisasikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Taman Tropika Lestari menjelang tahun 2020.
39. Di bawah peruntukan mengurus sejumlah **RM68.2 juta** disediakan bagi membiayai program penghijauan dan juga penyelenggaraan 19 taman

awamdi sekitar Kuala Lumpur antaranya Taman Botani Perdana, Taman Tasik Titiwangsa, Taman Tasik Permaisuri, Taman Tasik Ampang Hilir dan Taman Metropolitan Kepong. Peruntukan ini juga melibat kerja penyelenggaraan padang, tanah lapang, sistem pancutan air dan nurseri pokok milik DBKL. Antara jumlah peruntukan yang terbesar adalah **RM10.2 juta** bagi tujuan pemotongan rumput disamping sejumlah **RM20.1 juta** disediakan bagi tujuan penyelenggaraan pokok dan bunga-bunga.

40. Manakala di bawah peruntukan pembangunan, DBKL menyediakan sebanyak **RM67.7 juta** bagi tujuan menyediakan kemudahan serta menaiktaraf taman-taman rekreasi, pengindahan landskap, membina gelanggang futsal dan padang bola. Selain itu peruntukan sebanyak **RM19 juta** adalah dibiayai melalui **RMK10** bagi pembangunan Taman Botani, Taman Rekreasi Bukit Kerinchi, menaiktaraf kemudahan bagi golongan OKU di taman awam dan program landskap serta penanaman pokok bagi pembangunan semula Kampong Bharu. Manakala di bawah program **Greater KL/KV** pula, sejumlah **RM5 juta** diperuntukan bagi projek **Greener KL**.

Program Kemasyarakatan, Kebudayaan, Sukan Dan Kesihatan

41. Bagi merealisasikan wawasan kebangsaan, program '**Komuniti Harmoni 1Malaysia**' turut dirancang. Sejumlah **RM30.2 juta** diperuntukan untuk warga kota Kuala Lumpur. Ini termasuklah program khas komuniti, aktiviti pembangunan sosial dan aktiviti gotong royong. Tidak ketinggalan juga siri motivasi bagi golongan remaja, warga emas, golongan miskin dan ibu tunggal serta program khas OKU turut diberi perhatian.
42. Bagi menggalakkan aktiviti pelancongan di Wilayah Pesekutuan Kuala Lumpur, sejumlah **RM9.4 juta** diperuntukkan bagi kegiatan pertunjukan kebudayaan dan persembahan muzik.
43. Sementara itu, sejumlah **RM2.22 juta** turut diperuntukkan bagi kegiatan sukan dan rekreasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

44. Selain memastikan warga kota berada dalam persekitaran yang bersih dan cantik, DBKL pada masa yang sama turut mengambil berat hal penjagaan kesihatan yang berkait dengan masalah penyakit yang berpunca dari bawaan vektor seperti nyamuk dan tikus. Beberapa siri program COMBI (Communication For Behavior Impact) telah dijalankan bagi memberi kesedaran berterusan tentang langkah-langkah pencegahan bagi mengawal penularan wabak denggi. Justeru, DBKL telah memperuntukan sebanyak **RM6.7 juta** pada tahun 2013.

Program Penyelenggaraan Harta DBKL dan Harta Awam

45. Anggaran peruntukan mengurus bagi program ini adalah sebanyak **RM75.6 juta** yang meliputi penyelenggaraan bagi bangunan-bangunan dan kawalan keselamatan bangunan. Ini termasuk bangunan milik DBKL, pusat kemudahan sukan, penjaja dan dewan orang ramai seperti berikut:-
- Bangunan pejabat sejumlah **RM37 juta** termasuk perkhidmatan kawalan keselamatan bangunan berjumlah **RM19.9 juta**
 - 47 venue kemudahan sukan dan 214 gelanggang pelbagai jenis sukan berjumlah **RM5.4 juta**
 - 52 pasar berbangunan dan Pusat Penjaja berjumlah **RM12.5 juta**
 - Penyelenggaraan dan pembersihan pejabat dan kuarters, rumah buruh dan lain – lain bangunan berjumlah **RM20.6 juta**
46. Anggaran peruntukan pembangunan berjumlah **RM148.7 juta** meliputi kerja-kerja membina, mengubahsuai dan menaiktaraf bangunan-bangunan pejabat, kemudahan awam, kemudahan OKU, pusat penjaja, pasar dan gerai, kemudahan sukan, kemudahan kakitangan, serta projek kecil perumahan. Projek-projek yang dibiayai oleh DBKL sebanyak **RM85.9 juta**, RMK10 sebanyak **RM48.4 juta** manakala **Greater KL/KV** berjumlah **RM14.4 juta**.

Program Menyediakan Unit Kediaman Mampu Milik Dan Penyelenggaraan Perumahan Awam & Perumahan Rakyat

47. DBKL juga peka dan prihatin perumahan selesa dan mampu milik adalah keperluan asas paling utama kepada warga kota. Selari dengan hasrat

Kerajaan di bawah Program Perumahan 1 Malaysia, DBKL akan melaksanakan projek pembangunan mampu milik dan pembelian perumahan awam kos rendah dan sederhana rendah dengan kos projek sebanyak RM45 juta. Semua projek ini akan dijual kepada orang awam dan merupakan projek *self-financing*. Peruntukan sejumlah **RM1.2 juta** disediakan pada 2013 bagi menjayakan program tersebut seperti berikut:

- Pembangunan Perumahan Mampu Milik di Bukit Keramat sebanyak **240** unit dengan peruntukan **RM250 ribu** (kos projek **RM30 juta**)
- Pembelian **350 unit** rumah kos rendah dan sederhana rendah daripada pemaju swasta (Tetuan Sentul Raya Sdn Bhd) dengan peruntukan **RM1 juta** (kos projek **RM15 juta**)

48. Buat masa ini DBKL sedang menguruskan sebanyak 76,367 unit rumah yang terdiri daripada Perumahan Awam (PA) (31,080 unit) dan Perumahan Rakyat (PPR) (32,762 unit) dan Perumahan Jual (12,525 unit). Daripada keseluruhan unit PA dan PPR sebanyak 45,358 unit ditawarkan kepada penyewa sedia ada untuk dijual bagi memberi peluang kepada golongan warga kota yang berpendapatan rendah memiliki rumah di Kuala Lumpur.
49. Walaupun sebanyak 6,462 unit (14 %) telah dijual sehingga November 2012, DBKL masih bertanggungjawab dalam memastikan keselesaan penduduk. Justeru, peruntukan mengurus sebanyak **RM115.9 juta** disediakan bertujuan membaiki dan menyelenggara rumah-rumah pangsa melibatkan kerja-kerja awam, elektrik, mekanikal, kerja lif dan kontrak pembersihan.

Program Pembelian Aset

50. Sejumlah **RM5.2 juta** daripada peruntukan mengurus disediakan bagi tujuan pembelian kelengkapan pejabat, alat elektronik dan aset-aset kecil untuk kegunaan pelbagai jabatan.
51. Peruntukan pembangunan sebanyak **RM61.3 juta** disediakan bagi tujuan pembelian baru dan penggantian kenderaan, pembelian aset dan jentera serta pembelian peralatan komputer dan pembangunan sistem berkomputer.

Pemberian & Kenaan Tetap

52. Peruntukan mengurus bagi pemberian dan kenaan tetap adalah sebanyak **RM31 juta**. Pembiayaan ini meningkat sebanyak **1.71%** berbanding tahun 2012. Peruntukan ini adalah untuk kemudahan kakitangan mendapatkan pinjaman dan biasiswa bagi memberi peluang kepada kakitangan dan anak kakitangan melanjutkan pelajaran. Disamping itu juga peruntukan untuk rawatan pesara dan tanggungan ibu bapa juga disediakan.
53. Manakala sumbangan kepada pelbagai pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan, badan sukan serta badan sosial juga diberikan bagi membantu pembangunan badan sukan, persatuan-persatuan kebajikan, sosial, kesenian, kemasyarakatan untuk melaksanakan aktiviti-aktivitinya. Bayaran-bayaran untuk pinjaman balik kerajaan dan pemberian ganjaran kepada pekerja yang tamat kontrak juga diperuntukan.

Perbelanjaan Lain

54. Peruntukan mengurus sebanyak **RM24.9 juta** disediakan bertujuan bagi pembiayaan cukai tanah, insuran, penilaian semula, bayaran pampasan dan bayaran perbelanjaan pelarasan tahun lepas.
55. Manakala di bawah peruntukan pembangunan sebanyak **RM105.3 juta** disediakan bagi tujuan bayaran premium tanah, pembelian tanah milik Malaysian Humanitarian Foundation, kerja ukur hak milimik strata, pelan tempatan KL, pelan struktur KL dan *Local Agenda21*.

SUMBER HASIL, GERAN DAN PERUNTUKAN KERAJAAN PUSAT

56. Secara umumnya anggaran hasil 2013 meningkat kepada **RM1.62 billion** berbanding dengan **RM1.46 billion** dalam tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak **11.1%**.
57. Cukai taksiran berjumlah **RM880.5 juta** masih merupakan hasil utama dimana menyumbang sebanyak **54.2%** hasil keseluruhan DBKL. Jumlah ini

meningkat sebanyak **8.6%** kesan daripada pertambahan bilangan akaun pembayar cukai taksiran melalui pembangunan hartanah di Kuala Lumpur.

58. Lain-lain hasil utama termasuklah bayaran kawalan binaan dan perancangan sebanyak **RM270 juta**, hasil sewa perumahan dan caj perkhidmatan berjumlah **RM71.3 juta** dan lesen sebanyak **RM53.9 juta**.
59. Sementara itu DBKL dijangka akan menerima bantuan daripada Kerajaan Pusat dalam bentuk geran berjumlah **RM114.2 juta** iaitu geran penyelenggaraan jalan raya (*Marris*) berjumlah **RM30 juta**, geran khas sebanyak **RM4 juta** dan *outright grant* sebanyak **RM82.2 juta**.
60. Untuk menampung sebahagian daripada bajet pembangunan akan dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, Program Khas Tebatan Banjir, NKRA dan **Greater KL/KV** sebanyak **RM300.5 juta** dan pembiayaan swasta (Petronas) sebanyak **RM7.1 juta**.
61. Sejumlah **RM257.1 juta** daripada rizab simpanan/pembangunan akan juga digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan pada tahun 2013.

PENUTUP DAN RUMUSAN

62. Secara keseluruhannya bajet 2013 adalah merupakan belanjawan *surplus* di mana DBKL dianggarkan mempunyai lebih sebanyak **RM217.7 juta** setelah mengambil kira perbelanjaan operasi (Anggaran Hasil – Anggaran Perbelanjaan Mengurus) untuk disalurkan ke perbelanjaan pembangunan. Walaubagaimanapun, dengan mengambilkira anggaran perbelanjaan pembangunan sebanyak **RM782.55 juta** bajet DBKL dijangka mengalami *defisit*.
63. Melalui Bajet 2013, usaha-usaha akan digembleng bagi mempertingkatkan pelaksanaan program-program yang dirancang khususnya melalui projek-projek pembangunan bagi memberikan kemudahan yang terbaik kepada wargakota Kuala Lumpur dan pelanggannya.

64. Program-program yang dilaksanakan dijangka dapat menyediakan segala infrastruktur serta kemudahan yang terbaik dan berkualiti pada tahun 2013.
65. Perbelanjaan yang berhemah dan memastikan projek-projek yang dijalankan mengikut spesifikasi dan jadual akan membantu mengurangkan pembaziran dan dapat meningkatkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan DBKL.
66. Berasaskan kepada agihan-agihan peruntukan di atas dijangkakan program dibawah peruntukan operasi dan projek-projek pembangunan dapat mencapai objektif DBKL dan Visi menjadi 'Bandaraya Bertaraf Dunia' serta Visi Wilayah Persekutuan 'Maju dan Sejahtera'.

SEKIAN.

